



GARIS PANDUAN HORIZON BAHARU KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) TAHUN 2017

1. TUJUAN

Garis panduan ini mengandungi panduan berkaitan penambahbaikan tatacara pengurusan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) bertujuan untuk menyemarakkan lagi kreativiti dan inovasi dalam sektor awam. Panduan ini dihasilkan bagi menggantikan Panduan Mengenai Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) yang telah diterbitkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) pada 1 November 2009.

Bertujuan untuk membantu semua Pusat Tanggungjawab membuat permohonan untuk menyertai Pertandingan Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) RISDA.

2. OBJEKTIF PERTANDINGAN KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK).

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) adalah bertujuan untuk:

- 1.1 Melahirkan warga RISDA yang berfikiran kreatif dan inovatif dalam menghasilkan inovasi;
- 1.2 Memperkenalkan sistem dan cara kerja baru serta menjana kecemerlangan organisasi melalui pendekatan kreativiti, inovasi dan penciptaan nilai (*value creation*);
- 1.3 Memupuk kerjasama di kalangan warga organisasi dan mengeratkan perhubungan di antara pekerja dengan pihak pengurusan; dan
- 1.4 Membolehkan organisasi menghasilkan satu (1) sistem penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan menepati kehendak pelanggan.

3. KATEGORI PERTANDINGAN

Terdapat dua (2) bidang kategori yang akan dipertandingkan iaitu Kategori Penciptaan dan Kategori Penambahbaikan.

3.1 Kategori Penciptaan

Penciptaan suatu produk, perkhidmatan atau proses yang baharu dan belum pernah dilaksanakan di Malaysia.

3.2 Kategori Penambahbaikan

Penambahbaikan sesuatu produk, perkhidmatan atau proses sedia ada melalui kaedah yang inovatif agar menjadi lebih berkualiti serta berdaya saing.

4. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN PERTANDINGAN INOVASI

- 4.1 Penyertaan Konvensyen KIK adalah **WAJIB** kepada kumpulan-kumpulan KIK, Bahagian, PRN dan PRD
- 4.2 Penyertaan adalah dihadkan kepada **2 KIK sahaja (1 Kategori Penciptaan dan 1 Kategori Penambahbaikan)** bagi mewakili Bahagian dan PRN.
- 4.3 Projek KIK tersebut **belum pernah dipersembahkan** oleh kumpulan / individu daripada mana-mana konvensyen peringkat kebangsaan RISDA / Negeri / Sektor Awam.
- 4.4 Penyertaan konvensyen hendaklah **mendapat sokongan** Pengarah Bahagian, PRN dan PRD masing-masing.
- 4.5 Bilangan minimum keahlian ialah **2 orang** dan maksima keahlian setiap kumpulan KIK yang mengambil bahagian adalah dihadkan kepada **10 orang sahaja termasuk Ketua Kumpulan.**
- 4.6 Setiap penyertaan dikehendaki menghantar borang penyertaan beserta **empat (4) salinan buku laporan projek atau salinan skrip persembahan** serta **softcopy** kepada urusetia **pada atau sebelum 31 Julai 2017.** Penyertaan **TANPA** disertakan dengan salinan softcopy akan **DITOLAK** secara automatik.
- 4.7 Pihak Urusetia berhak **menolak penyertaan** dari mana-mana kumpulan yang **tidak mematuhi syarat-syarat** yang telah ditetapkan dan keputusan pemilihan adalah muktamad.

5. TUMPUAN DAN KRITERIA PENILAIAN

Persembahan setiap kumpulan yang mengambil bahagian di Konvensyen akan dinilai berdasarkan **enam kriteria** seperti berikut:

- i. Penglibatan pihak pengurusan
- ii. Signifikasi Projek & Pembuktian
- iii. Tindakan Penyelesaian
- iv. Outcome projek & pembuktian
- v. Impak Projek & pembuktian
- vi. Potensi pengembangan inovasi

6. BENTUK ANUGERAH

Pemenang	Hadiah/Penghargaan
Pertama	RM2,500.00 Piala dan Sijil
Kedua	RM2,000.00 Piala dan Sijil
Ketiga	RM1,500.00 Piala dan Sijil
Saguhati	RM1,000.00 Piala dan Sijil

7. TATACARA PERMOHONAN

Semua Pusat Tanggungjawab yang akan menyertai hendaklah menyempurnakan tindakan-tindakan berikut:

- (a) Melengkapkan borang permohonan dengan ditandatangani oleh Ketua Pusat Tanggungjawab seperti dijelaskan di **Lampiran A - KIK**. Setiap projek yang disertai perlu menggunakan borang berasingan.
- (b) Proses Penilaian & Pemilihan di **Lampiran B - KIK**.
- (c) Disertakan Format Penilaian sebagai rujukan membuat dokumentasi di **Lampiran C - KIK**.

8. **PENUTUP**

Diharapkan Pertandingan Horizon Baharu KIK RISDA Tahun 2017 ini mendapat penyertaan dan penglibatan secara menyeluruh oleh Pusat Tanggungjawab agar objektif yang digariskan dapat dicapai seterusnya memberikan impak yang positif dalam sistem penyampaian (*delivery system*) RISDA.